

# SEMINAR KAWAL DAN LAPOR 2017



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2371-seminar-kawal-dan-lapor-2017](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2371-seminar-kawal-dan-lapor-2017)

KUANTAN, 25 Ogos 17- Bertempat di Auditorium Sekolah Bomba dan Menyelamat INSPRA telah berlangsungnya Seminar Kawal dan Lapor 2017 yang dihadiri oleh Pegawai-pegawai dari Cawang Kawal dan Lapor. Majlis pembukaan seminar tersebut telah disempurnakan oleh AKS KOMLEK, YBhg Dato' Mohd Shaifuddin bin Mohd Shariff TUDM. Manakala majlis penutup pula telah disempurnakan oleh Ketua Staf MPOU, YBhg Mej Jen Dato' Zahani bin Zainal Abidin TUDM.

Seminar yang bermula pada 23 hingga 25 Ogos 17 dihadiri seramai 40 orang pegawai Cawang Kawal dan Lapor dari Markas Formasi dan Skn-skn Pertahanan Udara. Kehadiran peserta dari pelbagai unit ini dapat berkongsi pandangan dan pengetahuan bagi memperluaskan idea-idea baru dari perspektif yang berbeza. Sepanjang seminar berlangsung, sebanyak tujuh kertas kerja dan dua taklimat telah disampaikan oleh Pegawai-pegawai yang dipilih berdasarkan kepakaran masing-masing.

